

**Najib Dijadual Rasmi Projek Pesisiran Warisan Pekan Sabtu Ini**  
**Bernama**  
**19 April , 2012**

KUANTAN, 19 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dijadual merasmikan projek Pesisiran Warisan Pekan yang dimajukan oleh Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) di Pekan Sabtu ini.

Dalam satu kenyataan, Ketua Pegawai Eksekutif ECERDC Datuk Jebasingam Issace John berkata, inisiatif itu bertujuan untuk menjadikan Pahang sebagai sebuah kawasan tumpuan pelancong dengan kemudahan yang mesra pelancong.

"Karnival Rakyat akan turut diadakan sempena majlis perasmian berkenaan yang akan meningkatkan lagi kedudukan Pekan sebagai kawasan tarikan pelancong dari dalam dan luar negara.

"Kami menjemput semua golongan masyarakat untuk datang ke karnival ini dan menikmati sendiri apa yang Pekan dapat tawarkan," katanya.

Beliau berkata pelbagai aktiviti seperti permainan tradisional, pertandingan karaoke dan cabutan bertuah akan diadakan pada karnival itu yang bermula 8 pagi hingga 10 malam di sepanjang Jalan Sultan Ahmad, Pekan.

Selain itu katanya, lelongan awam untuk 350 ekor biri-biri Dorper yang ditenak oleh peserta projek Agropolitan Pekan juga akan diadakan manakala 50 ekor biri-biri lagi akan ditawarkan untuk pembida korporat.

Katanya, hasil daripada lelongan tersebut akan disalurkan kepada peserta Agropolitan Pekan yang telah diperkenalkan untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan pendapatan peserta menerusi aktiviti berkaitan pertanian.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=660319>